

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

PLG 452 - Komputer Dan Pendidikan

Masa: [1 jam]

Arahan: Kertas soalan ini dibahagikan kepada **dua (2)** bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

Bahagian A (40 markah)

Mengandungi 30 soalan objektif. Anda dikehendaki menjawab kesemua 30 soalan dengan menandakan jawapan anda dalam kertas jawapan komputer (OMR) yang disediakan. Anda dikehendaki menggunakan pensil 2B bagi menghitamkan jawapan yang betul sahaja. Sila tuliskan angka giliran anda dengan jelas di atas kertas OMR tersebut.

Kertas soalan di bahagian ini akan dikutip 30 minit selepas peperiksaan dimulakan.

Bahagian B (60 markah)

Mengandungi **empat** soalan (4) esei. Anda dikehendaki menjawab **Soalan No. 2** yang **diwajibkan** dan **SATU (1)** soalan lain.

..2/-

Okt/Nov 96

- 2 -

[PLG 452]

Bahagian A : (Soalan Objektif)

Masa: [30 minit].

PERHATIAN: Kertas soalan bagi bahagian ini akan dikutip 30 minit selepas peperiksaan dijalankan.

1. Maklumat yang paling kecil dibaca oleh komputer ialah

- A. Bit
- B. Bait
- C. Nombor Perduaan
- D. Kod ASCII

2. Bahagian kmputer yang memproses data dikenali sebagai

- A. CRT
- B. OCR
- C. VDU
- D. CPU

3. Cikgu Aishah ingin mempercepatkan kerja penyediaan nota, soalan ujian dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Pilih perisian yang paling sesuai digunakan oleh Cikgu Aishah.

- A. Pemprosesan kata
- B. Pengkalan data
- C. Hampan elektronik
- D. Perisian grafik

4. DOS adalah singkatan untuk

- A. Sistem Tatacara Cakera
- B. Sistem Pengendalian Cakera
- C. Sistem Pengendalian Terus
- D. Sistem Tatacara Terus

...3/-

5. Berikut ialah contoh-contoh perisian penggunaan KECUALI

- A. Word 2.0
- B. Quattro Pro
- C. BASIC
- D. dBase 4.0

6. Isi kandungan mata pelajaran komputer untuk peringkat sekolah menengah biasanya meliputi aspek-aspek

- I. kenal faham komputer
- II. bahasa BASIC
- III. analisis sistem

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan III
- D. I, II dan III

7. Cikgu Ahmad ingin membuat analisis keputusan peperiksaan akhir tahun bagi murid-murid tahun lima. Pilih perisian yang paling sesuai digunakan.

- A. Pemprosesan kata
- B. Pengkalan data
- C. Hampan elektronik
- D. Perisian grafik

8. Guru Besar Sekolah Menengah Desa Harapan ingin mengumpulkan maklumat berkaitan semua pelajar-pelajar di sekolahnya. Beliau ingin membuat analisis data dengan mudah dan cepat. Pilih perisian yang paling sesuai digunakannya.

- A. Pemprosesan kata
- B. Pengkalan data
- C. Hampan elektronik
- D. Perisian grafik

9. Komputer boleh membantu guru dalam tugas harian di sekolah KECUALI

- A. membantu guru dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran murid
- B. membebaskan guru daripada segala tugas berat yang berkaitan dengan pentadbiran permarkahan.
- C. mempercepatkan kerja penyediaan nota, soalan ujian dan bahan pengajaran dan pembelajaran
- D. memberi keselesaan kepada guru apabila digunakan sebagai alat bantu mengajar

10. Perisian pengurusan pengkalan data ialah

- A. perisian sistem
- B. perisian penggunaan
- C. hampan elektronik
- D. bahasa urusniaga

11. Yang manakah di antara berikut ialah alat pengarang?

- I. PASCAL
- II. Macromind
- III. Sistem COMIL
- IV. PROLOG

- A. II dan III
- B. I, II, dan III
- C. II, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

12. Yang manakah di antara berikut ialah contoh hampan elektronik?

- A. dBase
- B. Word Perfect
- C. Lotus 123
- D. Page Maker

13. Untuk membut semula komputer gunakan suis RESET atau tekan serentak set kunci berikut
- A. <Ctrl><Shift><Alt>
 - B. <Ctrl><Alt>
 - C. <Ctrl><Alt><Break>
 - D. <Shift><Alt><Break>
14. Yang manakah di antara berikut BUKAN peranti input?
- A. Pen Elektronik
 - B. Papan Kekunci
 - C. Ingatan RAM
 - D. Tetikus
15. Fungsi-fungsi utama untuk semua pakej pemprosesan kata ialah
- A. grafik, mengedit dan pengiraan kompleks
 - B. grafik, mengformat dan pengiraan kompleks
 - C. grafik, memasukkan teks, mengedit dan mencetak
 - D. memasukkan teks, mengedit, mengformat dan mencetak
16. Format sesuatu dokumen yang dicipta menggunakan pemprosesan kata merujuk kepada
- A. bagaimana ia disimpan dalam disket
 - B. bagaimana teks diedit
 - C. perkakasan input dan output yang diperlukan
 - D. bagaimana ia akan dipaparkan di skrin atau selepas di cetak
17. Celik komputer membawa maksud berikut KECUALI
- A. mempunyai pemahaman asas tentang apa yang komputer boleh dan tidak boleh buat
 - B. mempunyai beberapa idea mengenai implikasi sosial yang disebabkan oleh teknologi komputer sekarang dan maknanya pada masa akan datang
 - C. boleh guna komputer sebagai satu alat pada tahap peribadi dan juga profesional
 - D. boleh menggunakan bahasa aturcara komputer seperti BASIC, FORTRAN, C++ dan Prolog

...6/-

18. Yang berikut ialah maksud Siberfobia KECUALI
- A. perasaan takut terhadap komputer
 - B. perasaan takut terhadap bahasa-bahasa pengaturcaraan komputer
 - C. perasaan takut terhadap penggunaan internet
 - D. perasaan takut terhadap penggunaan internet, WWW, dan Netscape
19. Yang manakah di bawah ini ialah kemasukan jenis label ke dalam Quattro Pro?
- A. + 10*B3
 - B. MARKAH
 - C. 20
 - D. SUM (B1 .. B5)
20. _____ ialah bahasa pengaturcaraan komputer mengambil sempena nama seorang ahli matematik yang telah mencipta kalkulator mekanik digital pertama.
- A. DIGIT
 - B. COBOL
 - C. PASCAL
 - D. BABBAGE
21. Siapakah yang dikenali sebagai bapa kepada komputer?
- A. Bill Gates
 - B. Blaise Pascal
 - C. Charles Babbage
 - D. Alan Turing
22. Sebuah komputer boleh membuat semua di bawah KECUALI
- A. input
 - B. pemprosesan
 - C. output
 - D. mengenalpasti masalah untuk diselesaikan

23. Komputer terkini telah banyak berubah jika dibanding lima tahun yang lalu. Manakah di antara pernyataan di bawah yang menerangkan ciri-ciri yang terdapat pada komputer sekarang ini.

- I. Dapat menerima dan menghantar maklumat dalam pelbagai media
- II. Dapat memaparkan maklumat dalam bentuk teks, grafik, video dan audio
- III. Saiz semakin besar dan kemampuannya pun bertambah besar
- IV. Boleh dijadikan alat komunikasi -- menerima dan menghantar fax dan menerima panggilan telefon.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

24. Manakah di antara berikut yang berkaitan dengan komputer generasi pertama?

- I. Komputer ABC (Atanasoff-Berry Computer) ialah komputer moden yang pertama - terdiri daripada 45 tiub hampagas - besar, cepat panas dan mudah rosak
- II. ENIAC yang dicipta oleh Mauchly & Echert -- berat 30 tan, 20,000 tiub; 1000 kali lebih pantas dari Mark 1; mampu mengkira 5000 nombor se saat
- III. UNIVAC - mengguna kod binari; mula diguna dalam pilihanraya untuk memilih presiden USA dalam tahun 1952
- IV. Menggunakan transistor untuk membuat segala pemprosesan data

- A. I dan II sahaja
- B. I, II dan III
- C. I, III dan IV
- D. I, II, III dan IV

25. Faktor manakah yang sesuai untuk dijadikan panduan asas ketika membeli komputer?

- I. Kemampuan komputer
- II. Keperluan pengguna
- III. Perkhidmatan servis selepas jualan
- IV. Komputer yang berjenama
- V. Kecanggihan komputer
- VI. Harga

...8/-

- A. I, II, III dan IV
- B. I, II, III dan VI
- C. I, II, III, V dan VI
- D. I, II, III, IV, V dan VI

26. Manakah di antara berikut yang menunjukkan kepantasan pemrosesan sesebuah komputer?

- A. 16 Megabait RAM
- B. 166 Mhz prosesor
- C. 1.3 Gigabait cakera keras
- D. Pemacu cakera padat (CD ROM) 6x

27. Data atau maklumat (input) dapat dimasukkan ke dalam komputer melalui

- I. papan kekunci
- II. tetikus
- III. scanner
- IV. mikrofon
- V. modem

- A. I, II dan III
- B. I, III dan IV
- C. I, II, III dan IV
- D. I, II, III, IV dan V

28. Komputer akan tahan lebih lama sekiranya perkara-perkara berikut dilaksanakan.

- I. Letak di tempat yang tidak berhabuk
- II. Jauhkan dari magnet (Radio, TV, Peti Ais dan sebagainya)
- III. Bilik yang berhawa dingin
- IV. Tidak ada sumber statik
- V. Lantai mesti ditutup dengan permaidani (carpet)

- A. I, II dan III
- B. I, III dan IV
- C. I, II, III dan IV
- D. I, II, III dan V

29. Di antara kemudahan-kemudahan internet yang berikut, manakah lebih berbentuk multimedia?

- A. Mel elektronik
- B. World Wide Web/Netscape
- C. WAIS
- D. Archie dan VERONICA

30. Internet sekarang ini semakin luas digunakan. Di antara kelebihanannya ialah

- I. ia dapat digunakan untuk pendidikan jarak jauh
 - II. internet menghapuskan benteng masa, lokasi geografi dan status quo
 - III. ciri-ciri multimedia yang interaktif
 - IV. penghantaran dan pengiriman maklumat lebih murah
 - V. pengguna boleh memperolehi maklumat dari berbagai sumber dan pengkalan data
- A. I, II dan III
 - B. I, III dan IV
 - C. I, II dan IV
 - D. I, II, III, IV dan V

Bahagian B: (Soalan Esei)

Jawab **DUA (2)** soalan sahaja. Soalan No. DUA (2) diwajibkan. Setiap soalan bernilai 30 markah.

2. Apakah yang dimaksudkan dengan pengajaran berbantuan komputer (CAI)? Huraikan TIGA (3) daripada empat strategi pengajaran berbantuan komputer di bawah ini.
 - (a) Latih Tubi
 - (b) Tutorial
 - (c) Permainan
 - (d) Simulasi dan modeling

3. Dalam Rancangan Malaysia ke -7, Kementerian Pendidikan akan melaksanakan komputer dalam pendidikan di sekolah-sekolah seluruh negara. Apakah pandangan anda tentang rancangan ini? Bincangkan.

4. Sebagai penyelaras kelab komputer anda dikehendaki menilai perisian komputer yang dihasil atau dibeli. Bincangkan kriteria penilaian perisian pengajaran berbantuan komputer dalam aspek reka bentuk dan teori pengajaran.